

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMOR ]  
TARIKH : 13 MAC 2014  
SOALAN :**

**YB Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik jumlah kes denggi dan kes kematian wabak denggi yang berlaku di Malaysia dalam tempoh tahun 2012-2013. Nyatakan keberkesanan kajian atau langkah Kementerian menggunakan "*Genetically Modified Mosquitoes*" untuk menangani wabak denggi di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jumlah statistik kes denggi dan kes kematian wabak denggi yang berlaku di Malaysia dalam tempoh tahun 2012-2013 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH KEMATIAN</b>
2012	<b>21,900 kes</b>	<b>35 kematian</b>
2013	<b>43,346 kes</b>	<b>92 kematian</b>

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kajian berkaitan dengan nyamuk "*Genetically Modified Mosquitoes* (GM) *Aedes aegypti* OX513A strain telah dijalankan di makmal dan satu pelepasan terhad serta terkawal telah dijalankan di kawasan yang tidak berpenghuni, di Bentong, Pahang. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jarak penerbangan dan jangka hayat nyamuk tersebut dan ia **BUKAN** untuk tujuan pencegahan wabak denggi. Kajian ini melibatkan nyamuk jantan *Aedes aegypti* sahaja yang memang secara semulajadi diketahui tidak menggigit. Dalam kajian di ekologi terkawal ini, beberapa parameter termasuk jangka hayat nyamuk, jarak penerbangan telah ditentukan dan didapati tiada perbezaan yang signifikan di antara nyamuk Genetik *Aedes* (nyamuk GM) dengan nyamuk yang sedia ada di lapangan dari segi jangka hayat dan jarak penerbangan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, KKM tidak ada rancangan untuk menjalankan pelepasan nyamuk ini bagi tujuan menangani wabak denggi di Malaysia. Penilaian yang teliti oleh KKM mendapati bahawa kaedah pencegahan dan pengawalan ini melibatkan kos yang sangat tinggi dan tidak kos efektif untuk dijalankan.